



ARANG BATU SEMAKIN PENTING DALAM CAMPURAN BAHAN API PENJANAAN

Arang batu adalah sumber utama menghasilkan elektrik di Semenanjung Malaysia dengan menyumbang 51 peratus dari jumlah campuran bahan api.

Semua stesen janakuasa arang batu terkini menggunakan teknologi ultra-supercritical (USC), yang berupaya meningkatkan kecekapan penjanaan dengan menghasilkan lebih tenaga berbanding jumlah arang batu yang dibakar, serta mematuhi piawaian alam sekitar yang lebih ketat.

Stesen janakuasa arang batu yang lebih efisien akan ditingkatkan di masa depan untuk memaksimumkan manfaat teknologi terkininya.

Mengoptimumkan kecekapan stesen janakuasa arang batu adalah penting kerana arang batu yang dibakar adalah 100 peratus diimport, yang tertakluk kepada harga pasaran dan juga tukaran mata wang asing.



Kebaikan Kepada Rakyat :



- Meningkatkan keupayaan grid demi menjamin bekalan lebih stabil, diyakini dan mencukupi.
- Memastikan kos penjanaan elektrik berada pada paras terendah.
- Memenuhi piawaian alam sekitar yang mesra alam demi kesejahteraan penduduk dan persekitaran.